"All these remedies are effective to stop illegal sand mining provided there is a will to do so.

"And the land owner can be liable if shown that he is aiding and abetting," he said.

"Issuing multiple summonses is totally ineffective because the profit they make (from sand washing) is more than sufficient to pay 1,000 summonses," he said.

"It is far better for the land office, DBKL and Federal Territories Ministry to seize the vehicles and prosecute in court.

"Vehicles seized with sand in it should be case exhibits.

"Upon conviction, the court can impose a daily fine if the activity continues and also a term of imprisonment," said Fernandez.



SUKARELAWAN menyusun makanan untuk dihidangkan kepada petugas dan penduduk yang mendapatkan saringan awal dan rawatan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang.



PENDUDUK yang terkena simptom sakit akibat pencemaran sisa bahan kimia mendapatkan saringan awal.



DR Maszlee mencuba peralatan yang digunakan bagi mengesan bahan kimia ketika melawat penduduk dan pelajar yang mendapatkan saringan awal dan rawatan di Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang.

9 SUSPEK DITAHAN

■ Beberapa individu masih diburu dipercayai terbabit insiden pembuangan sisa bahan kimia



RACUN SUNGAI KIM KIM

Izlaaily Nurul Ain Hussein
izlaaily@hmetto.com.my

Johor Bahru

Polis menahan sembilan individu, semalam, dipercayai terbabit dalam insiden pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, dua suspek ditahan di Johor dan tujuh lagi ditahan di luar negeri ini.

"Operasi memburu beberapa lagi individu yang boleh membantu siasatan kes masih diteruskan.

"Saya tidak boleh beri

terlalu banyak maklumat terperinci kerana ia akan mengganggu siasatan dan operasi polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Johor di Dewan Dato' Onn, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk Abd Rahim Jaafar; Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd dan Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din.

Mohamad Fuzi berkata, semua suspek direman enam hari bermula

semalam sehingga Sabtu ini.

Katanya, siasatan dilakukan mengikut Seksyen 278 Kanun Keseksaan (menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan), Seksyen 284 (kelakuan cuai berkenaan benda beracun) dan Seksyen 326 kanun sama (menyebabkan cedera parah).

Semalam, Mohamad Fuzi memaklumkan bahawa polis memperoleh petunjuk yang menjurus kepada identiti suspek bertanggungjawab membuang sisa bahan kimia secara haram di sungai itu dan operasi memburu serta menjejak suspek sedang giat dijalankan untuk membuat tangkapan.



PETUGAS kontrak swasta melakukan kerja pembersihan berterusan sisa toksik di Sungai Kim Kim.

Pusat rawatan semakin tenang

Pasir Gudang: Suasana Stadium Tertutup Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) di sini, yang menjadi pusat rawatan awal kepada mangsa pencemaran pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, 7 Mac lalu, dilihat tenang berbanding sebelum ini.

Malah, jumlah penduduk yang datang mendapatkan rawatan pada hari ke 12 insiden pencemaran itu juga berkurangan.

Tinjauan mendapati

meskipun keadaannya tidak sesak, masih ada penduduk yang datang mendapatkan rawatan akibat simptom pencemaran udara bermula jam 7 pagi.

Tinjauan juga mendapati bilangan sukarelawan yang memberikan bantuan sudah berkurangan, selain terdapat pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia yang memberi bantuan secara sukarela.

Bagaimanapun, petugas keselamatan termasuk

Jabatan Bomba dan Penyelamatan (JBPM), kakitangan Kementerian Kesihatan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih berada di lokasi untuk memberikan perkhidmatan 24 jam.

Anggota Pasukan Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) JBPM juga melakukan saringan bacaan pencemaran kimia terhadap setiap individu yang hadir ke kawasan yang cemar yang dibuka di pusat itu.

Syabas, anda semua hebat!

Johor Bahru: Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim menghargai penghargaan kepada semua pihak yang membantu menyediakan rawatan kepada mangsa pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Tunku Ismail menyuarakan penghargaan itu menerusi laman Facebook (FB) rasminya, semalam.

"Saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua anggota yang terlibat dalam membantu menyediakan rawatan pemulihan yang diperlukan berikutan kejadian pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang.

"Dedikasi yang anda berikan dalam membantu

Johor mengatasi krisis ini tidak ternilai," titahnya.

Baginda turut menghargai sumbangan cemerlang diberikan pasukan keselamatan dan sukarelawan sepanjang misi membantu mangsa pencemaran sejak 7 Mac lalu.

"Ikhlash dari hati saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas tugas cemerlang yang anda lakukan.

"Anda semua pasukan polis, unit tindakan kecemasan, tentera, doktor, pembantu perubatan, sukarelawan dan lain-lain melakukan kerja yang hebat dalam membantu keadaan cemas ini. Terima kasih!," titahnya.

Tutup sekolah hingga bermula cuti penggal

Pasir Gudang: Semua 111 sekolah di daerah ini yang terjejas akibat pencemaran bahan kimia di Sungai Kim Kim di sini, terus ditutup sehingga cuti sekolah bermula 22 hingga 30 Mac ini sebagai langkah berjaga-jaga.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, arahan penutupan itu dibuat selepas beliau mendengar taklimat dan mendapatkan penjelasan daripada semua pihak berkuasa dan pakar yang terlibat dalam menyelesaikan isu pencemaran sisa kimia di Pasir Gudang, semalam.

"Berdasarkan taklimat dan penjelasan menyeluruh daripada pihak berkuasa dan pakar berkaitan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mendapati penutupan sekolah diteruskan sehingga cuti sekolah," katanya sempena lawatan ke pusat rawatan awal di Stadium Tertutup MPPG di sini, semalam.

“Bagi saya keselamatan perlu diutamakan terlebih dahulu, selain tidak ada perubahan jadual peperiksaan awam”
Dr Maszlee Malik

Taklimat Sekretariat Pengurusan Bencana Negeri Johor di Menara Aqabah Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) disampaikan Pegawai Daerah Johor Bahru, Ketua Polis Negeri Johor, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Johor, Pengarah Jabatan Kimia Malaysia (Johor) serta Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Johor.

Dr Maszlee berkata, maklumat lanjut berhubung perkembangan terkini krisis pencemaran itu akan disampaikan dari semasa

ke semasa.

Ditanya sama ada akan ada cuti ganti, Maszlee berkata, ia belum difikirkan kerana pihaknya lebih mengutamakan keselamatan pelajar dan guru.

"Bagi saya keselamatan perlu diutamakan terlebih dahulu, selain tidak ada perubahan jadual peperiksaan awam," katanya.

KPM pada 13 Mac lalu mengarahkan semua 111 sekolah di seluruh Pasir Gudang ditutup berkuatkuasa serta merta susulan pencemaran bahan kimia di kawasan berkenaan sejak 7 Mac lalu.

Dr Maszlee dalam kenyataan medianya dipetik sebagai berkata, semua sekolah ditutup hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

KPM memutuskan untuk menutup semua sekolah berdasarkan situasi semasa dan maklumat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri. Sehubungan itu, semua murid, pelajar, guru, kakitangan dan pekerja di semua sekolah berkenaan tidak perlu hadir sehingga keadaan pulih.

Beri peringatan dulu

Operator pelancongan diminta ambil perhatian isu cuaca semasa



Siti Aisyah Sukaimi
sitaisyah@hmetro.com.my

Putrajaya
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya meminta operator pelancongan memberi peringatan kepada pelancong berhubung situasi cuaca semasa dan me-

nyalurkan bantuan topeng muka jika perlu. Menteri Datuk Mohamad Muddin berkata, ketika ini pihaknya mengikuti rapat keadaan cuaca semasa terutama membabitkan kawasan tarikan pelancongan. "Antaranya seperti di Banting, Selangor dan Rompin, Pahang yang menca-

katkan kualiti udara tidak sihat, iaitu masing-masing 104 dan 176 sehingga jam 3 petang hari ini (semalam). "Saya juga menyarankan orang ramai dan pelancong mengemas kini maklumat terkini berkenaan jerebu di laman web indeks udara di <http://apims.doe.gov.my>."

JARAK pengaliran sekitar Pelabuhan Klang kelihatan terbatas akibat jerebu.

katanya dalam kenyataan, di sini, semalam. Dalam pada itu, beliau berkata, orang ramai khususnya kanak-kanak, warga emas dan individu yang mempunyai masalah kesihatan dinasihatkan memakai topeng muka dan mengurangkan aktiviti luar suluan keadaan jerebu melanda negara ketika ini.



MOHAMMAD Hamdan

Kuantan: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia merekodkan 6,566 kes kebakaran ladang, hutan, belukar dan sampah di seluruh negara berikutan cuaca panas berpanjangan dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini. Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Hamdan Wahid berkata, 4,667 daripada kes kebakaran itu membabitkan belukar/ladang manakala 878 kes sampah diikuti 681 kes di hutan dan 339 kes di kebun atau ladang. Beliau berkata, kebanyakan punca kebakaran disebabkan perbuatan manusia seperti membuang puntung rokok dan bekas api ketika membuat aktiviti perkeltahan, sengaja membuat pembakaran kecil-kecilan tanpa kawalan, pembukaan ladang pertanian serta tanaman semula. "Bagaimanapun, ketika ini adalah di larang sama sekali sebarang aktiviti

Rekod 6,566 kes kebakaran

pembakaran tanpa kawalan kerana ia juga boleh menjadi penyumbang kepada pencemaran udara dan jerebu. "Pegawai dan anggota kami di seluruh negara, bagaimanapun diminta sentiasa bersiap siaga, malah logistik dan kekuatan sumber manusia di 16 Pusat Gerakan Operasi di seluruh negara diletak dalam kea-

daan bersiap sedia bagi menghadapi kebakaran terbuka. "Unit Udara Bomba juga diletakkan dalam keadaan bersiap siaga dan jika keadaan memerlukan maka kami boleh menggerakkan perkhidmatan mereka daripada pangkalan di Subang, Selangor dan Bertam, Melaka," katanya pada sidang media di ma-

lis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dan Pingat Kebesaran Jabatan di Ibu pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pahang di sini, semalam. Turut hadir, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pahang, Nor Hisham Mohammad dan Timbalannya, Mohd Sani Harul.

Empat jam padam api di belantara

Port Dickson: Anggota bomba mengambil masa lebih empat jam untuk memadam kebakaran hutan seluas 4.04 hektar di Jalan Kampung Bukit Tembok berhampiran Pasir Panjang di sini, semalam. Komander Operasi dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBDP) Telok Kemang, Lokman Ghani berkata, hingga petang semalam, kawalan dilakukan untuk memastikan kebakaran padam sepenuhnya. "Hutan itu membabitkan kawasan yang luas dan anggota mengerah kudrat untuk memadam kebakaran. "Tumpuan utama adalah memastikan api tidak merebak ke kawasan penempatan penduduk," katanya. Lokman berkata, kebakaran dipercayai berpunca daripada cuaca panas. Katanya, pihaknya menerima panggilan daripada penduduk jam 11.27 pagi, sebelum 17 anggota dari BBDP Telok Kemang dan Port Dickson dikerah ke lokasi. "Sebaik tiba jam 11.50 pagi, anggota mendapati api marak dan kerja pemadaman segera dilakukan.



HUTAN di Jalan Kampung Bukit Tembok berhampiran Pasir Panjang yang terbakar.

"Api dapat dikawal dalam masa 30 minit, sebelum dipadamkan sepenuhnya dalam tempoh lebih 4 jam," katanya. Pada masa sama, Lokman turut menasihatkan orang ramai supaya tidak melakukan pembakaran terbuka.



MOHD Razman mengorek kolam untuk mengairi tanamannya di Kampung Bendang Pak Yong.



MOHD Razman menunjukkan tanah kering ketidadaan air.



Tumpang

Petani bimbang rugi besar

Seorang petani di Kampung Bendang Pak Yong di sini, melahirkan kebimbangan berdepan kerugian besar sekiranya kemarau berlarutan. Mohd Razman Aziz, 41, berkata, dia mula menanam kunyit, tembakai, tebu dan ubi kayu di tanah seluas enam hektar sejak awal tahun ini terpaksa mengeluarkan modal tambahan untuk mengairi tanamannya. Katanya, dia terpaksa menggali telaga untuk mengairi tanaman kunyitnya kerana musim kemarau yang berlarutan sejak beberapa bulan ini. "Saya sudah berhabis RM15,000 untuk memulakan penanaman sejak Januari lalu dan kos

bertambah untuk menggali telaga serta membeli sebuah enjin bagi mengempam air untuk tanam kunyit serta tembakai. "Separuh daripada tanaman tebu kering kerana kekurangan air kerana enjin mengempam air dari tali air terpaksa digunakan secara bergilir dengan tembakai," katanya di kebun kunyitnya di sini. Menurutnya, dia juga bimbang sekiranya kemarau berpanjangan, ia akan turut menjejaskan sawah padinya seluas dua hektar dan ternakan itik. "Saya hanya mampu berdoa supaya kemarau tidak berpanjangan hujan dalam masa terdekat," katanya.

“Saya sudah berhabis RM15,000 untuk memulakan penanaman sejak Januari lalu dan kos bertambah untuk menggali telaga serta membeli sebuah enjin bagi mengempam air untuk tanam kunyit serta tembakai”
Mohd Razman Aziz

Kebakaran punca jerebu

Bacaan IPU di Selangor rekod indeks tidak sihat

SHAH ALAM

Beberapa kejadian kebakaran yang berlaku semalam dipercayai menjadi antara punca penyebab kualiti udara di Selangor mencatatkan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) kurang sihat.

Menurusi laman Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (Apims) menunjukkan kawasan Shah Alam mula mencatatkan bacaan IPU tidak sihat bermula jam 4 petang kelmarin dengan bacaan 106 manakala tahap pencemaran udara di Banting pula mula terjejas pada hari sama bermula jam 10 malam dengan bacaan pada tahap 105.

Selain Selangor, keadaan udara daerah Rompin di Pahang juga turut terjejas apabila bacaan IPU berada pada tahap tidak sihat dengan bacaan 254 bermula jam 4 petang kelmarin.




FOTO: BERNAMA

Jarak penglihatan sekitar Pelabuhan Klang kelihatan terbatas akibat jerebu yang melanda semalam.



NORIZHAM

Sehingga jam 5 petang semalam, bacaan IPU di Shah Alam kembali pulih dan berada dalam keadaan sederhana dengan bacaan 96.

Manakala, bacaan udara di Banting dan Rompin masih berada dalam keadaan tidak sihat dengan bacaan IPU masing-masing adalah 114 dan 176.

Penolong Pengarah Operasi

Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Penguasa Kanan Bomba I Norizham Mohd Nudin berkata antara kejadian kebakaran yang agak kritikal berlaku semalam adalah melibatkan kawasan tanah gambut berhampiran KM28 Lebuhraya Elite (dari KLIA-Putrajaya).

"Kebakaran berhampiran lebuhraya berkenaan telah menyebabkan kesesakan yang teruk disebabkan oleh asap yang tebal

dan kualiti udara juga sedikit terjejas berkemungkinan akibat daripada kejadian itu.

"Bagaimanapun, anggota Bomba telah berjaya memadamkan kebakaran terbabit daripada merebak dan pagi ini juga kami melakukan sekali lagi pemantauan bagi memadamkan saki baki hotspot di kawasan itu," katanya.

Norizham turut menasihati orang ramai khususnya pengusaha di sektor pertanian agar meng-

BACAAN IPU

17 Mac 2019 (Ahad)

- Selangor
 - Shah Alam - 106 (4 petang)
 - Shah Alam - 111 (5 petang)
 - Banting - 90 (4 petang)
 - Banting - 90 (5 petang)

- Pahang
 - Rompin-254 (4 petang)
 - Rompin -254 (5 petang)

18 Mac 2019 (Isnin)

- Selangor
 - Shah Alam - 94 (4 petang)
 - Shah Alam - 96 (5 petang)
 - Banting - 113 (4 petang)
 - Banting - 114 (5 petang)

- Pahang
 - Rompin- 176 (4 petang)
 - Rompin -176 (5 petang)

- IPU: Status
- 0-50: Baik
 - 51-100: Sederhana
 - 100-200: Tidak sihat
 - 200-300: Sangat tidak sihat
 - >300: Berbahaya

hentikan sebarang pembakaran terbuka bagi mengelak kejadian tidak diinginkan berlaku.

Katanya, aktiviti pembakaran sampah haram juga perlu diberi perhatian kerana pihaknya kerap menerima panggilan kecemasan akibat aktiviti tersebut.

Henti kebakaran terbuka

KUANTAN - Negara mungkin dilanda masalah jerebu serius berikutan kes kebakaran hutan dan terbuka meningkat di seluruh negara sejak Februari lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

(JBPM) Datuk Mohammad Hamdan Wahid berkata, justeru orang ramai diingatkan agar menghentikan pembakaran terbuka pada musim panas yang sedang melanda negara pada ketika ini.

Menurutnya, sehingga 28 Febuari lalu

sebanyak 6,566 kes kebakaran terbuka direkodkan di seluruh negara berbanding 16,566 kes sepanjang tahun 2018, bererti lebih satu pertiga kejadian kebakaran sudah direkodkan dalam tempoh dua bulan sahaja, tahun ini.

"Pahang antara negeri tertinggi mencatatkan kes kebakaran terbuka.

"Tumpuan diberikan ke atas daerah yang sedang berlaku kebakaran hutan seperti Pekan dan Kuantan," katanya pada sidang media selepas Penganugerahan Pingat Jabatan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang JBPM Pahang, semalam.



Dari kiri: Nor Hisham mengiringi Mohammad Hamdan menyampaikan Anugerah Kecemerlangan kepada Komander Operasi Kanan Zon 2, Mohd Arshad Abdullah.



Tinjauan dari udara memperlihatkan keadaan Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, semalam.

Tidak beri kesan besar kepada penternak ikan, petani

PUTRAJAYA - Pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor, tidak memberi kesan besar kepada penternak ikan dan petani di kawasan sekitar.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, laporan awal daripada tinjauan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mendapati, hanya beberapa pengusaha ikan sungai menyatakan pendapatan mereka sedikit terjejas berikutan pencemaran tersebut. "Setakat ini, tidak ada tanda-tanda besar melibatkan

ikan dan sayur-sayuran. Saya telah minta pemantauan serius dibuat dan laporan terkini diumumkan," katanya selepas melancarkan kempen peng-haraman racun Paraquat, di sini, semalam.

Salahuddin berkata, pihak kementerian akan menyalurkan bantuan jika penternak ikan dan petani mengalami kesan daripada insiden itu.

Sementara itu, ditanya isu bantuan baja tambahan kepada 322,000 pesawah seluruh negara, Salahuddin berkata, proses pengagihan telah selesai. - *Bernama*

Guru, pelajar dapat pampasan

Mangsa toksik akan dapat pampasan berbentuk insurans takaful

JOHOR

Kementerian Pendidikan memaklumkan pelajar, guru dan kakitangan sekolah yang telah dimasukkan ke hospital akibat bencana pencemaran sisa bahan kimia di Pasir Gudang akan mendapat pampasan.

Menterinya, Dr Maszlee Malik berkata, bagi tujuan itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Johor dan sekolah-sekolah terlibat akan menguruskan proses mendapatkan pampasan tersebut yang berbentuk insurans takaful.

"Jadi mana-mana anak murid termasuk guru sendiri yang telah dimasukkan hospital, mereka hanya perlu bawa bukti rawatan dan insya-ALLAH, pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Negeri akan membantu sekolah mengendalikan urusan tersebut. "Kita akan pastikan mereka akan mendapat pampasan ber-



Maszlee mengadakan sidang akhbar bersama Timbalan Pengarah Pendidikan Johor, Azman Adnan (kiri) dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Johor, Datuk Yahaya Madis (kanan) di Stadium MPPG, Pasir Gudang.

bentuk insurans takaful," katanya selepas mengadakan lawatan ke atas mangsa yang mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, semalam.

Maszlee berkata, setakat semalam, seramai lima pesakit terdiri daripada murid dan guru masih mendapatkan rawatan di HSA, namun memaklumkan ra-

mai daripadanya telah dibenarkan keluar.

Dengan penurunan bilangan murid atau pelajar, guru dan kakitangan sekolah yang telah keluar dari hospital, berbanding angka terdahulu, beliau berkata, Kementerian Pendidikan berasa agak sedikit tenang dengan perkembangan tersebut.

PENCEMARAN SISA KIMIA SUNGAI KIM KIM, PASIR GUDANG, JOHOR

— Sehingga 18 Mac

Sepanjang **1.5KM** kawasan terjejas telah berjaya dibersihkan

- 29** pesakit masih menerima rawatan di hospital
- 4** pesakit masih mendapatkan rawatan di ICU & dilaporkan stabil
- 119** orang telah dibenarkan pulang
- Penutupan semua sekolah di Pasir Gudang diteruskan sehingga 30 Mac
- Hasil siasatan Jabatan Veterinar mendapati tiada kawasan ternakan terjejas
- 9 lelaki direman bantu siasatan kes pencemaran sisa kimia

Sumber: Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar & Pertanian Johor, Kementerian Pendidikan & Ketua Polis Negara. Infografik Bernama

Sekolah tutup hingga 30 Mac

PASIR GUDANG - Semua sekolah terlibat pencemaran kimia di kawasan ini akan terus ditutup sehingga cuti pertengahan penggal pertama, Jumaat ini.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik berkata, keputusan itu diambil sebagai langkah pencegahan dan berhati-hati.

"Kita telah menerima taklimat daripada jawatankuasa bencana tadi (semalam) dan untuk langkah berhati-hati sekolah akan terus ditutup sehingga cuti pertengahan penggal pertama.

"Kita berharap semua pihak mengambil maklum perkembangan semasa di sini dan jika ada maklumat tambahan, kita akan maklumkan kepada umum dari

masa ke masa," katanya selepas melawat pusat saringan di Stadium Tertutup Pasir Gudang, semalam.

Cuti sekolah pertengahan penggal akan bermula 22 Mac hingga 30 Mac ini.

Beliau mengesahkan, tiada perubahan jadual peperiksaan awam, meskipun proses pembelajaran dan pengajaran terganggu akibat bencana toksik di Pasir Gudang.

Sebelum ini, Kementerian Pendidikan mengarahkan 111 sekolah di daerah Pasir Gudang ditutup serta-merta selepas ratusan pelajar dan kakitangan beberapa sekolah terkesan akibat pencemaran kimia yang berlaku di Sungai Kim Kim.

9 individu ditahan

JOHOR BAHRU - Polis menahan sembilan individu yang disyaki terlibat dalam pencemaran sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun berkata, dua daripada sembilan individu terbabit ditahan di negeri ini, sementara selebihnya di luar Johor.

Menurutnya, polis telah mendapatkan perintah reman dari mahkamah terhadap semua individu terbabit, bermula semalam hingga 23 Mac depan bagi membantu siasatan.

"Operasi kita untuk menangkap suspek telah pun berjalan semalam (kelmarin).

"Proses siasatan sedang berjalan. Kita pun sudah dapat reman enam hari hingga 23 Mac," katanya pada sidang media Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Kontinjen Johor di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd.

Suspek disiasat di bawah Seksyen 278 Kanun Keseksaan, Seksyen 284 Kanun Keseksaan dan Seksyen 326 Kanun Keseksaan.



GEMPA BUMI DI LOMBOK

Sukar terima hakikat ibu terkorban

PM ucap takziah kepada keluarga mangsa

Oleh Faris Fuad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Anak sulung mangsa kedua yang dikenal pasti terkorban akibat kejadian gempa bumi dan tanah runtuh di Lombok, Indonesia, semalam sukar menerima hakikat bahawa ibunya, Lim Sai Wah, 56, sudah pergi buat selama-lamanya.

Tan Peng Cheng berkata ia suatu tragedi buat dirinya dan satu perkara yang sukar diterima.

"Ibu saya seorang suri rumah tangga yang biasa, kami empat adik-beradik gembira dan dijaga dengan penuh kasih sayang," katanya kepada BERNAMA menerusi aplikasi WhatsApp selepas tiba di

Lombok semalam.

Sai Wah, bercuti ke tempat peranginan berkenaan dengan suaminya, Tan Ching Chuan, 62, yang turut mengalami cedera ringan dalam kejadian itu.

Seorang lagi yang terbunuh ialah Timbalan Ketua Pengarang Eksekutif Sin Chew Daily Datin Tai Siew Kim.

Peng Cheng berlepas ke Lombok pagi semalam untuk urusan susulan kejadian itu, serta melawat dan membawa pulang bapanya ke tanah air.

Giat aktif dalam yoga

Sai Wah yang bergiat aktif dalam yoga lebih daripada 10 tahun, bakal menduduki peperiksaan pada bulan Jun ini untuk mendapatkan sijil kelayakan mengajar.

Selain dua yang terkorban dalam kejadian gempa bumi itu, Wisma Putra semalam turut mengesahkan tujuh mangsa cedera dan sedang menerima rawatan di Hospital Lombok manakala 13 lagi terselamat.



[FOTO EPA]

Anggota penyelamat membawa keluar mayat Sai Wah dalam kejadian gempa di Lombok.

Semua 22 warga Malaysia itu dilaporkan berada di Air Terjun Tiu Kelep Senaru ketika gempa berukuran 5.8 pada skala Richter menggegarkan Lombok Timur, Nusa Tenggara Barat, Indonesia pada 2.07 petang semalam, lapor BERNAMA.

Di Kuala Lumpur, Perdana Men-

teri, Tun Dr Mahathir Mohamad menzahirkan rasa simpati dan takziah kepada ahli keluarga mangsa yang terkorban dan meminta warga Malaysia yang terkesan dengan kejadian itu mendapatkan bantuan daripada Kedutaan Malaysia di negara terbabit.

Kementerian Luar dalam satu

kenyataan berkata, pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta kini di Lombok bagi memantau keadaan di samping menghulurkan bantuan konsular kepada mangsa terbabit, manakala warga Malaysia yang terjejas boleh menghubungi pegawai bertugas kedutaan di talian +62 813 80813036.



PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

2 ditangkap di Johor, 7 di negeri lain

➔ Operasi buru suspek cemar Sungai Kim Kim diteruskan

Oleh Izlaily Nurul Ain Hussein
izlaily@nstp.com.my

✦ Johor Bahru

Polis menahan sembilan lelaki dipercayai terlibat dalam kes pembuangan sisa bahan kimia di Sungai Kim Kim, Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, dekat sini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun, berkata semua suspek itu ditahan dalam operasi khas kelmarin.

"Dua suspek ditahan di Johor manakala tujuh lagi ditahan di luar negeri ini.

Tak boleh dedah maklumat
"Operasi memburu suspek lain masih diteruskan. Saya tidak boleh dedahkan terlalu banyak maklumat kerana akan mengganggu keselamatan dan operasi polis," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Johor di Dewan Dato' Onn, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Pengurusan Bukit Aman, Datuk

Abd Rahim Jaafar, Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd dan Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Kamarudin Md Din.

Mohamad Fuzi berkata, semua suspek terlibat kini direman enam hari sehingga Sabtu ini.

Katanya, semua mereka disiasat mengikut Seksyen 278, Seksyen 284 dan Seksyen 326 Kanun Keseksaan, masing-masing kerana menjadikan udara berbahaya kepada kesihatan, berkelakuan cuai membabitkan bahan beracun dan menyebabkan cedera parah.

Kelmarin, Mohamad Fuzi dilaporkan berkata, pihaknya sudah ada petunjuk bagi memberkas suspek utama terlibat dengan pencemaran Sungai Kim Kim di sini dan operasi memburu mereka giat dijalankan.



Mohamad Fuzi menganugerahkan Pingat Jasa Pahlawan Negara kepada bekas pesara polis, Maimunah Abd Razak pada Majlis Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontinjen Johor, di Johor Bahru, semalam.



Anggota Hazmat mengambil sampel bacaan di dalam tong biru dalam parit berhampiran SMK Tanjung Puteri Resort, Pasir Gudang, semalam.

PENCEMARAN DI PASIR GUDANG

Penduduk jumpa tong biru dipercayai berisi bahan kimia

→ Dakwa kandungan sisa toksik mengalir ke Sungai Sembilang

Oleh **Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

■ Pasir Gudang

Penduduk Taman Tanjung Puteri Resort di sini gempar dengan penemuan beberapa tong biru dipercayai berisi sisa bahan kimia, di Sungai Sembilang, kira-kira dua kilometer dari Sungai Kim Kim.

Tong terbabit ditemui kira-kira 500 meter dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Puteri Resort, salah satu daripada 111 sekolah di sini yang diarah ditutup sementara sejak Rabu lalu.

Tinjauan media di kawasan berkenaan sebaik dimaklumkan penduduk mendapati ada beberapa tong biru dipercayai berisi sisa kimia dibuang di bawah jambatan yang menghubungkan Taman Tanjung Puteri ke Taman Pasir Putih.

Mengalir dalam sungai

Seorang penduduk, Ahmad Roh Ariffin, mendakwa kandungan tong yang dipercayai sisa toksik itu sudah mengalir ke dalam Sungai Sembilang dan mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

"Kemunculan tong biru itu disedari penduduk sejak Khamis lalu dan sudah dila-

porkan kepada pihak berkuasa, namun tiada tindakan diambil.

"Penduduk bimbang kerana boleh menghidu bau busuk seperti cuka, apatah lagi ada yang mengadu sesak nafas dan mual.

"Kami berharap pihak berkuasa menyiasat kemunculan tong biru ini kerana isu pencemaran Sungai Kim Kim pun belum selesai," katanya kepada pemberita, semalam.

Dua anggota polis dilihat sudah menutup kawasan berkenaan dengan pita garisan kuning polis dan tidak membenarkan media dan orang ramai mendekati kawasan berkenaan.



Pembersihan sisa minyak di Taman Eng Ann selesai

Shah Alam: Kerja pembersihan sisa minyak di kolam takungan, saluran longkang dan tanah tercemar di Taman Eng Ann di sini, selesai sepenuhnya kelmarin.

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Hee Loy Sian, berkata sebanyak 28,000 liter sisa disedut menggunakan dua lori tangki penyedut.

"Lori yang penuh diisi itu diletakkan sebagai simpanan sementara sebelum pelupusan dilakukan.

"Kaedah pelupusan bersesuaian akan dilakukan selepas mendapat keputusan analisa persampelan daripada Jabatan Kimia berkenaan jenis buangan terbabit," katanya pada satu kenyataan, semalam.

Loy Sian berkata, pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) dan agensi lain diarah melakukan mitigasi dan pencegahan diambil serta-merta pada Khamis lalu, disusuli kerja pembersihan sehari kemudian oleh kontraktor pembersihan yang dilantik bagi mengelak sisa minyak yang dibuang mencemari Sungai Klang yang berada sekitar 1.5 kilometer dari lokasi kejadian.

Buat laporan polis

"Laporan polis dibuat pada jam 8.30 pagi, 15 Mac lalu dan siasatan forensik untuk mendapatkan bukti sabitan kesalahan juga dilakukan pada hari sama," katanya.

Beliau berkata, hasil bantuan penduduk setempat, lori tangki yang disyaki digunakan untuk membuang sisa minyak itu ditemui dan proses siasatan terhadap individu atau syarikat terbabit sedang dijalankan.

Katanya, jika sabit kesalahan, pesalah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

"Pada masa sama, tindakan perundangan juga boleh diambil berdasarkan Seksyen 7, Larangan Pencemaran Sumber Air, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999, bergantung kepada keputusan analisis persampelan yang disesuaikan dengan Sub-Seksyen 79 enakmen sama.

"Denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan terhadap pesalah berdasarkan peruntukan perundangan ini," katanya.



Lori yang penuh diisi itu diletakkan sebagai simpanan sementara sebelum pelupusan dilakukan"

Hee Loy Sian,

Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor



Kawasan ternakan tidak terjejas

Pasir Gudang: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan tiada kawasan ternakan di sekitar Sungai Kim Kim, di sini, terjejas akibat pencemaran sisa kimia beracun.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Pertanian Johor, Dr Sahrudin Jamal, berkata jabatan itu melakukan kajian pencemaran terhadap haiwan ternakan di kawasan berkenaan sejak kelmarin.

"Jabatan Veterinar melakukan kajian pencemaran terhadap haiwan ternakan di lokasi

Sungai Kim Kim sejak jam 10 pagi semalam (kelmarin).

"Hasil siasatan mendapati tiada kawasan ternakan terke- san," katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Lima parameter gas diperiksa

Sementara itu, Dr Sahrudin berkata, lima parameter gas akan diperiksa bagi memastikan kualiti udara di kawasan terjejas pencemaran, terutama sekolah berada dalam keadaan selamat.

Katanya, parameter gas dipe- riksa ialah oksigen, karbon mo-

noksida, hidrogen sulfida (H₂S), 'Low Exposure Limit' (LEL) dan 'Volatile Organic Compound' (VOC).

"Sebanyak 30 pasukan di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, terutama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kimia sudah digerakkan bagi memantau kualiti udara di 42 sekolah dalam radius lingkungan lima hingga sembilan kilometer dari kawasan pencemaran sejak semalam (kelmarin)," katanya.

Dalam perkembangan berka- iatan, beliau berkata, seramai 119

orang yang dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Aminah (HSA) dan Hospital Sultan Ismail (HSI) akibat terjejas pen- cemaran bahan kimia sudah di- benarkan pulang sehingga jam 12 tengah malam kelmarin.

"Sehingga kini hanya 29 pe- sakit masih dirawat di wad hos- pital, berbanding 120 pesakit yang dilaporkan semalam (kel- marin).

"Empat pesakit masih men- dapatkan rawatan di Unit Ra- watan Rapi (ICU), berbanding tujuh pesakit sebelum ini dan mereka dilaporkan berada da- lam keadaan stabil," katanya.

LAMPIRAN 27

BERITA HARIAN (WILAYAH): MUKA SURAT 62
TARIKH: 19 MAC 2019 (SELASA)



SISA BUANGAN KIMIA BERHAMPIRAN SUNGAI KLANG [FOTO FAIZ ANUAR/BH]



Pekerja membersihkan kolam takungan berhampiran Sungai Klang di Taman Eng Ann, Klang, kelmarin.

NGAN
NDA?

in APPS
atan

Stok

K

LAZADA
Fortress Shopping

ipk COLLEGE

m.my

Selangor tunggu laporan LUAS

➔ Kerja bersih sisa buangan kimia capai 85 peratus

Oleh Norrasyyidah Arshad
norrasyyidah@nstp.com.my

Shah Alam

Kerja pembersihan sisa buangan kimia dari kolam takungan berhampiran Sungai Klang di Taman Eng Ann mencapai 85 peratus sehingga jam 10 malam kelmarin.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata pembersihan itu adalah langkah awal diambil bagi menangani masalah pencemaran kimia di kolam takungan itu.

"Pencemaran tidak berlaku di Sungai Klang, tetapi hanya di kolam takungan itu.

"Buat masa ini, kita da-

lam tindakan mengeluarkan semua bahan kimia yang terdapat di dalam kolam berkenaan.

"Kita akan pantau dari semasa ke semasa dan memerlukan maklumat daripada orang awam berkenaan kawasan yang berpotensi untuk berlaku kejadian sama seperti di kolam takungan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-14 di sini, semalam.

Ambil sampel

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenaan merasmikan istiadat terbabit.

Yang turut berangkat mengiringi baginda, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

Amirudin berkata, kerajaan negeri sudah mengambil sampel sisa buangan terbabit, selain menunggu

laporan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS).

"Laporan ini akan digunakan sebelum mengambil tindakan pendakwaan," katanya.

Sementara itu, diminta mengulas titah Sultan Selangor yang mahu sekolah tahfiz swasta tidak berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ditutup, Amirudin berkata, kerajaan negeri akur dengan titah berkenaan.

"Setakat ini, kita belum mengambil tindakan menutup (pusat tahfiz swasta tidak berdaftar) kerana sejak dua tahun lalu kerajaan negeri sudah mengarahkan sekolah tahfiz itu didaftarkan. Kita memudahkan cara sekolah tahfiz mendaftar dan sudah beri masa yang cukup.

"Tindakan perlu diambil kerana kita bukan hendak menghalang, tetapi perlu memastikan sekolah mempunyai kurikulum sempurna, selain mempunyai kemudahan tidak berbahaya," katanya.



40KG OF PLASTIC FOUND IN WHALE

MANILA: A starving whale with 40KG of plastic trash in its stomach has died after being washed ashore in the Philippines, activists said yesterday, calling it one of the worst cases of poisoning they have seen. A necropsy on the animal was performed and 40kg of plastic, including grocery bags and rice sacks was found. The animal was unable to eat because of the trash in its stomach. – AFP



**CYCLONE CAUSED
90% DAMAGE**

BEIRA, MOZAMBIQUE: A cyclone that slammed into Mozambique last week has damaged or destroyed 90% of Beira, the Red Cross said yesterday, as the death toll in the country and neighbouring Zimbabwe rose to 157. "The scale of damage caused by cyclone Idai is horrifying," the International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies said. - AFP

Dead whale in Philippines had 40kg of plastic in stomach

MANILA: A starving whale with 40kg of plastic trash in its stomach has died after being washed ashore in the Philippines, activists said, calling it one of the worst cases of poisoning they have seen.

Environmental groups have tagged the Philippines as one of the world's biggest ocean polluters due to its reliance on single-use plastic.

That sort of pollution regularly kills wildlife like whales and turtles that ingest the waste.

In the latest case, a Cuvier's beaked whale died on Saturday in the southern province of Compostela Valley where it was stranded a day earlier, the regional fisheries bureau said yesterday.

The agency and an environmental group performed a necropsy on the animal and found about 40kg of plastic, including grocery bags and rice sacks.

The animal died from starvation because of the trash filling its stomach, said Darrell Blatchley, director of D' Bone Collector Museum Inc, which helped conduct the examination.

"It's very disgusting and heart-breaking," he said.

"We've done necropsies on 61 dolphins and whales in the last 10 years and this is one of the biggest (amounts of plastic) we've seen."

The 4.7m long whale was stranded in Mabini town on Friday where local officials and fishermen tried to release it, only for it to return to shallow water, said the Bureau of Fisheries and Aquatic Resources.

"It could not swim on its own, was emaciated and weak," regional bureau director Fatma Idris said.

"It was dehydrated. On the second day it struggled and vomited blood."

The death comes just weeks after the Global Alliance for Incinerator Alternative released a report on the "shocking" amount of single-use plastic in the Philippines, including nearly 60 billion sachets a year. —

AFP